

## **TEKS UCAPAN**

**DATUK HAJI HAJIJI HAJI NOOR**

**MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH SEMPENA MAJLIS PERASMIAN**

**PECAH TANAH PEMBINAAN FOUR POINTS BY SHARETON SANDAKAN, SABAH**

**DI DATARAN BANDAR, SANDAKAN HARBOUR SQUARE**

**PADA 11 MEI 2008 (AHAD)**

Assalamualaikum w.k.t dan Salam sejahtera  
Terima kasih Saudara/Saudari pengacara majlis;

Yang Dikasih,  
YAB Datuk Seri Musa Hj Aman, Ketua Menteri Sabah;

YB Datuk Juhar Hj. Mahiruddin,  
Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah;

YB Datuk Raymond Tan Shu Kiah,  
Timbalan Ketua Menteri Sabah Merangkap Menteri Pembangunan dan Infrastruktur Sabah;

YB Dato' Liew Vui Keong,  
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia;

YB Encik Peter Pang En Yin,  
Menteri Belia & Sukan Sabah;

YB Menteri-Menteri,  
Pembantu-Pembantu Menteri;

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian;

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Majlis Perbandaran Sandakan dan Ireka Charng Sdn. Bhd yang begitu bekerja keras untuk memastikan majlis yang penuh bermakna ini dapat dilancarkan dengan jayanya. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana menjemput saya untuk hadir bersama-sama di majlis yang penuh bermakna ini.

Sesungguhnya apa yang kita lihat di persekitaran masa kini amat jelas bahawa Sandakan semakin membangun. Membangun dengan erti kata membawa kemajuan dari segi ekonomi dan sosial masyarakat Sandakan. Tahniah sekali lagi diucapkan kepada pihak Majlis Perbandaran Sandakan yang begitu gigih memastikan tugas dan tanggungjawab sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang komited dalam memenuhi aspirasi dan masyarakat Sandakan tercapai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Usahasama pintar antara pihak swasta dan kerajaan bukanlah satu yang baru. Ia telah lama diamalkan di negara kita. Namun begitu, di peringkat kementerian sendiri, kita memerlukan satu kerjasama positif yang bermotifkan pembangunan holistic yang memberikan faedah kepada semua pihak.

Contoh yang amat jelas ialah majlis pada hari ini. Yakni dengan apa yang telah dicapai antara Majlis Perbandaran Sandakan sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan dengan pihak Ireka Charng Sdn. Bhd selaku badan swasta dan korporat yang ada di negeri ini. Usahasama yang ditunjukkan antara pihak majlis dengan ICSD pada hari ini merupakan suatu yang amat membanggakan. Satu usahasama yang mampu memenuhi visi kita untuk menjadikan negeri Sabah sebagai sebuah negeri maju bercirikan pembangunan fizikal terancang dan seimbang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Usahasama seumpama ini pada dasarnya sentiasa disokong oleh pihak kementerian dan ia seharusnya dijadikan contoh oleh badan-badan korporat dan pihak berkuasa tempatan yang lain. Ini kerana melaluinya pihak majlis berupaya menyediakan kemudahan masyarakat yakni pasar baru kepada masyarakat Sandakan dan pihak ICSD sendiri memperolehi faedahnya dari segi pulangan perniagaan yang memuaskan. Selain daripada itu, masyarakat Sandakan juga mempunyai faedah dari segi peluang-peluang pekerjaan yang bakal ditawarkan dengan adanya hotel ini kelak. Satu tindakan bersepadu yang memfokuskan usaha menjana pembangunan ekonomi untuk masyarakat keseluruhannya.

Adalah menjadi harapan kita agar usaha yang membawa kemajuan holistik kepada kita semua ini dapat diteruskan dan dilaksanakan mengikut suasana yang teratur dan terancang. Segala perancangan yang telah dirancangan dan perjanjian yang telah dimenterai mestilah dilaksanakan bagi memastikan pembangunan ini kelak benar-benar menjadi mercu tanda usahasama yang positif antara pihak kerajaan dengan pihak swasta.

Sungguhpun demikian, di samping memfokuskan kepada penjanaan ekonomi kepada semua masyarakat Sandakan, beberapa penekanan lain perlu juga diambil kira. Ini khususnya dalam soal penjagaan alam sekitar.

Pengekalan dan pelestarian alam sekitar harus dijadikan wacana utama pembangunan ini. Begitu juga dengan penjagaan kebersihan dan keindahan di persekitaran kawasan ini kelak. Pembangunan fizikal semata-mata tidak akan berupaya menarik lebih ramai pelancong sekiranya perkara-perkara ini tidak diambil perhatian.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Akhir kata dari saya, tahniah diucapkan sekali lagi kepada pihak majlis dan ICSD serta masyarakat Sandakan keseluruhannya. Semoga dengan terbinanya hotel ini kelak, ia akan berupaya menjadi satu lagi mercu tanda kemegahan masyarakat Sandakan khususnya dan Sabah amnya.

Sekian, terima kasih.